

25/10/1997

120 hektar akan dimajukan sebagai kawasan IKS

Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Kerajaan negeri mengenal pasti kawasan seluas 120 hektar berhampiran Taman Teknologi Kulim (KHTP) untuk dimajukan sebagai kawasan industri kecil dan sederhana (IKS) bagi pembangunan skim vendor KHTP.

Kawasan belum diratakan itu bakal dibangunkan bagi menempatkan kira-kira 1,500 kilang IKS khusus untuk mengeluarkan pelbagai produk syarikat induk yang terbabit dalam industri berteknologi tinggi di KHTP.

Usahawan IKS sedia ada atau yang baru ingin memulakan industri masing-masing diminta berurusan dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) bagi mendapatkan peluang perniagaan di kawasan terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Sumber Manusia, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, berkata melalui skim terbabit, usahawan IKS sama ada yang sedia ada atau yang berminat menceburinya perlu mempunyai syarat tertentu bagi dipilih sebagai pengeluar pelbagai produk yang diperlukan syarikat induk di KHTP.

Menurutnya, setakat ini sudah ada 10 syarikat induk yang beroperasi di KHTP dan kebanyakan mereka adalah syarikat asing yang terbabit dalam pengeluaran barangan berasaskan teknologi tinggi.

KHTP yang berharga RM1.2 bilion mula dibuka pada 1993. Ia diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KHTP yang membabitkan kawasan seluas 1,450 hektar menyediakan industri penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu diuruskan oleh Perbadanan Taman Teknologi Kulim Sdn Bhd (KTPC).

Setakat ini, fasa pertama kawasan perindustrian itu membabitkan kawasan seluas 250 hektar sudah dipajak manakala keseluruhan pelaburan yang sudah disahkan adalah sebanyak RM14 bilion.

Abdullah Hasnan berkata, untuk tujuan itu, majlis pelancaran program pembangunan vendor KHTP akan disempurnakan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad, di sebuah hotel terkemuka di Sungai Petani, 15 Disember ini.

"Dijangkakan 100 usahawan IKS akan menghadiri majlis pelancaran program itu yang bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan berjaya," katanya di pejabatnya.

Selain ucapan Mustapa, majlis itu akan diserikan dengan pembentangan lima kertas kerja berkaitan program itu. Antara pembentang kertas kerja ialah Pengarah Urusan KTPC, Ahmad Shukri Tajuddin dan Pengarah Urusan Intel Product (M) Sdn Bhd.

"Usahawan IKS yang memiliki kemahiran seperti pembuatan barangan plastik dan seumpamanya atau yang baru ingin menceburi perniagaan IKS harus merebut peluang perniagaan ini."

"Usahawan IKS tidak lagi boleh bersikap tunggu dan lihat kerana jika ia tidak direbut segera, peluang ini akan terlepas ke tangan orang lain," katanya.

(END)